

17 OCT 2000

Mahathir-Palestin

MALAYSIA, INDONESIA KUTUK KEKEJAMAN ISRAEL

LANGKAWI, 17 Okt (Bernama) -- Malaysia dan Indonesia mengutuk kekerasan pasukan keselamatan Israel terhadap rakyat Palestin.

"Kita mahu keamanan diwujudkan di Palestin secepat mungkin. Kita mahu kedua-dua pihak berhenti bergaduh sebaliknya berbincang sesama mereka," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Bercakap pada sidang berita bersama Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid di Hotel Sheraton Perdana di sini, Perdana Menteri berkata penggunaan kekerasan bukan caranya untuk mencapai keamanan.

"Saya berpendapat ini bukan cara bagi negara-negara menjalin hubungan, lebih-lebih lagi selepas mereka mengisytiharkan mereka mahukan keamanan. Sukar untuk mewujudkan keamanan apabila mereka mula menembak orang," katanya.

Dr Mahathir diminta menyatakan pendirian kedua-dua negara mengenai isu itu selepas Abdurrahman memberitahu media bahawa Menteri Luar kedua-dua negara akan mengeluarkan pernyataan bersama mengenai isu Palestin.

Dalam pernyataan bersama mereka, Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar dan rakan sejawatannya dari Indonesia Dr Alwi Shihab berkata kerajaan dan rakyat kedua-dua negara sedih dengan kematian lebih 100 orang awam termasuk kanak-kanak Palestin.

Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu patut menghukum mereka yang bertanggungjawab terhadap kematian ini, kata mereka.

Menurut pernyataan itu, Malaysia dan Indonesia menyalahkan pemimpin Israel Ariel Sharon sebagai orang yang bertanggungjawab mencetuskan kemarahan rakyat Palestin kerana melawat Masjid Al-Aqsa pada 28 Sept lepas.

Kedua-dua negara juga menyambut baik Resolusi 1322 Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu yang mendesak Israel, selaku Kuasa Penjajah, supaya memenuhi tanggungjawabnya melindungi orang awam semasa peperangan di semua wilayah yang didudukinya sejak 1967.

Malaysia dan Indonesia juga mengulangi pengiktirafan mereka terhadap Baitulmaqdis sebagai ibu negara bagi rakyat dan negara Palestin.

Sebagai pengerusi sesi ke 27 Persidangan Menteri-menteri Luar Islam (ICFM), Malaysia mencadangkan satu persidangan khas ICFM diadakan di Baitulmaqdis untuk membincangkan isu Palestin itu. Ini dipersetujui oleh Indonesia.

Malaysia dan Indonesia juga memuji usaha semua pihak yang menganjurkan sidang kemuncak di Sharm el Sheikh di Mesir untuk mencari jalan menamatkan keganasan antara Israel dan Palestin itu.

Kedua-dua negara berharap sidang kemuncak itu akan merintis jalan agar rundingan damai dapat diteruskan sehingga akhirnya penyelesaian politik dapat dicapai.

Satu laporan dari Sharm el-Sheikh memetik Presiden Bill Clinton sebagai berkata Israel dan Palestin bersetuju untuk mengambil langkah-langkah konkrit bagi menamatkan keganasan.

-- BERNAMA

JM NH AZZ MAI